

Publication	Berita Harian	Section /Page No.	Bisnes/Pg. B6
Date	Sat, 27th Aug 2016	Lead Article	No
Headline	Teraju lancar subdana Mudahcara		

Teraju lancar subdana Mudahcara

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) akan melancarkan program pembiayaan subdana Mudahcara bernilai RM100 juta di bawah Dana Pemudahannya pada akhir suku ketiga 2016 bagi membantu syarikat Bumiputera untuk melaksanakan projek mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh, berkata subdana itu akan berfungsi sebagai pemudahcara serta melancarkan projek yang dijalankan syarikat Bumiputera dan dilaksanakan dengan kerjasama SME Bank.

Pemudahan kepada projek

"Kadang-kadang syarikat Bumiputera kekurangan modal atau pembiayaan bank tidak cukup dan ini adalah satu kekangan kepada syarikat terbabit.

"Kami akan melancarkan pinjaman subdana Mudahcara itu sebagai pemudahan kepada projek. Ia akan menjadi pinjaman sekunder yang didapatkan daripada bank lain oleh syarikat dan tempoh bayaran balik akan dilanjutkan," katanya di luar acara Sesi Perangkaian TeraS kedua dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, di Kuala Lumpur semalam.